

Pujuk Filipina terima silat

## Pesaka belum putus asa

20 JAN 1991

B. Minggu (M)

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) akan berusaha memujuk Jawatankuasa Pengangur Sukan SEA XVI di Filipina agar menyenaraikan silat sebagai salah satu acara pada temasya sukan itu, November depan.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhamad Haji Muhd Taib, berkata beliau dan Presiden Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), Eddy M Nalapraya, akan menemui pengangur Sukan SEA di Manila, Februari ini bagi membincangkan perkara itu.

Jika sukan itu disenaraikan, Pesaka dan Persilat bersetuju mengelakkan acara itu bagi pihak tuan rumah sewaktu pertandingan nanti, katanya yang juga Presiden Pesaka, kepada pemberita selepas mempergerusikan mesyuarat Pesaka, di Pulau Pinang semalam.

Beliau berkata, Pesaka dan Persilat juga akan membantu Filipina menubuhkan sebuah persekutuan silat yang merupakan syarat diperlukan sebelum sesebuah negara mengajurkan acara silat.

Filipina sebagai tuan rumah enggan menyenaraikan silat pada Sukan SEA selepas bermesyuarat di Beijing sempena Sukan Asia, Oktober tahun lalu.

Sebelum itu, Filipina bersetuju menerima silat, tetapi menukarannya di Beijing dengan menyenaraikan taekwondo dan Wushu yang sebelumnya digugurkan.

Pesaka dalam mesyuaratnya, semalam turut memutuskan bahawa Kedah akan menjadi tuan rumah Kejuaraan Silat Kebangsaan tahun ini, manakala Melaka pada tahun depan dan Perak tahun 1993. — Bernama

### Senaraikan silat olahraga

22 JAN 1991

## Annuar sedia bantu Pesaka



Oleh RAHIME YUSOF  
MENTERI Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa, sedia campur tangan bagi menyakinkan Majlis Olimpik Filipina (FOC) agar dapat menyenaraikan semula acara silat olahraga pada Sukan SEA di Manila, November depan.

Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Tan Sri Haji Muhamad Muhd Taib, berkata keputusan Haji Annuar untuk turut membabitkan diri menyakinkan Pesaka bahawa kemungkinan silat disenaraikan semula agak cerah.

Semalam, ahli majlis Pesaka mengadakan perjumpaan khas dengan Haji Annuar selama kira-kira satu jam di pejabatnya bagi membincangkan masalah berkenaan.

"Saya amat sukacita apabila Haji Annuar berhasrat untuk campur tangan dan bersedia mengikuti rombongan Pesaka ke Manila bagi berbincang dengan FOC bulan depan jika tidak mem-

punyai urusan rasmi kerajaan yang penting," katanya.

Rombongan itu akan diketuai sendiri oleh Tan Sri Haji Muhamad serta Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah dan Presiden Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), Eddy M Nalapraya.

Mereka akan berada selama tiga hari di Manila mulai 15 Februari depan.

Menurutnya, Pesaka akan mengemukakan usul bahawa tiga syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Su-

kan SEA lebih daripada mencukupi.

Antaranya ialah setiap acara perlu disertai oleh lebih empat negara, kemudahan kelengkapan pertandingan sedia dipenuhi oleh Pesaka dan Persilat, manakala pertubuhan silat Filipina sudah diwujudkan, cuma tidak diiktiraf oleh FOC.

"Saya percaya perbincangan di Manila itu nanti akan memberi jawapan positif kerana acara silat memenuhi tiga syarat utama untuk disenaraikan pada Sukan SEA," katanya.

Tan Sri Haji Muhamad berkata, selain perbincangan itu, Haji Annuar juga bersetuju memberi kerjasama dengan Pesaka bagi mengembang silat, termasuk silat olahraga, secara lebih bersungguh-sungguh mulai tahun ini.

Katanya, menteri itu bersedia menjadikan silat sebagai cabang ke arah membentuk disiplin dan mempertahan budaya bangsa di kalangan belia negara ini.